

23 DEC 2000

Mahathir-Krismas

PIHAK MAINKAN ISU PERKAUMAN HADAPI TINDAKAN TEGAS

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap sesiapa sahaja yang cuba merosakkan keharmonian kaum di negara ini.

"Sekiranya ada tanda-tanda atau cubaan oleh mana-mana pihak untuk merosakkan keharmonian antara kaum kita dengan mempermainkan isu-isu sensitif seperti agama dan kaum, kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka mengikut undang-undang sedia ada," kata Perdana Menteri dalam perutusan Hari Krismas.

Beliau berkata kerajaan memandang serius terhadap mana-mana pihak yang cuba menggunakan isu-isu sensitif untuk kepentingan kaum atau untuk mendapat pengaruh.

"Rakyat perlu sedar dalam negara majmuk seperti Malaysia, perpaduan dan kerjasama antara kaum adalah faktor penting untuk menjamin kestabilan, kemajuan dan kemakmuran negara," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun Malaysia mempunyai penduduk berbilang kaum dan agama, perayaan atau sambutan hari-hari kebesaran masing-masing dapat dilangsungkan tanpa halangan atau gangguan.

Keadaan ini, kata Dr Mahathir, wujud kerana rakyat menghargai keamanan dan menghormati kepercayaan masing-masing.

"Keadaan ini hendaklah kita kekalkan sepanjang masa kerana ia akan membawa manfaat kepada perpaduan dan keharmonian kaum dan kemajuan negara," katanya.

Beliau berkata kerajaan akan sentiasa berusaha memastikan penduduk negara ini dapat hidup bersatu padu dan dalam kesejahteraan dan kemakmuran.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada semua rakyat Malaysia beragama Kristian.

"Saya berasa gembira sambutan perayaan Hari Krismas di negara kita dapat diadakan dalam suasana aman dan meriah," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

SR ZS MAI